**PENDAKWA RAYA**

**lwn.**

**MOKHTAR HASSAN**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AZMEL MAAMOR PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47-22-91]
9 MAC 1992

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Dadah Berbahaya - Anggapan - Pengetahuan (knowledge)- Statement YKT - Akses - Bila boleh dikemukakan sebagai Exhibit.*

***KETERANGAN:*** *Prosiding Impeachment - Pertelingkahan material dalam keterangan - Beban - Anggapan di bawah s. 37(d) - 'Balance of probabilities'.*

Yang Kena Tuduh (YKT) telah didakwa mengedar dadah berbahaya, iaitu heroin seberat 36.30 gram dan telah melakukan kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak 1980).

Peguambela telah mempertikaikan *inter alia* peket plastik (Exhibit P6) yang dihantar kepada Ahli Kimia (SP1) yang tidak ditandakan.

Peguambela juga telah meminta statement YKT yang diambil oleh Inspektor Maarof b. Harun melalui pegawai penyiasat, SP4.

Di akhir kes pendakwaan, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman memutuskan bahawa pihak Pendakwa telah mengemukakan satu kes *prima facie* dengan timbulnya anggapan-anggapan di bawah s. 37(d) dan s. 37(da)(i) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Perkara yang perlu ditimbangkan ialah samada pihak pembela telah berjaya menimbulkan bukti yang menyatakan YKT tidak ada pengetahuan (knowledge) mengenai bungkusan plastik warna kuning yang dijumpai di dalam teksi tersebut berisi dadah berbahaya iaitu heroin.

**Diputuskan:**

**[1]** Berdasarkan keterangan, Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman berpuashati mengapa Exhibit P6 tidak ditanda oleh SP7 dan ini tidaklah boleh dianggap sebagai satu 'material discrepancy'.

**[2]** Percakapan YKT hanya boleh dikemukakan sebagai exhibit melalui recording officer dan jika pihak Pendakwa tidak berniat untuk memanggil recording officer maka Mahkamah tidak boleh memaksanya.

**[3]** Setelah mengkaji dan menimbang kes pihak pembela dan juga kes pihak Pendakwa keseluruhanya dengan mengambil kira beban pembela untuk membuktikan ketiadaan knowledge YKT terhadap dadah berbahaya yang dijumpai di dalam teksi tersebut Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman berpendapat bahawa pihak pembela telah gagal mematahkan anggapan yang telah ditimbulkan oleh pihak Pendakwa di bawah s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952.

**Kes-kes yang dirujuk:**

*PP lwn. Mohd. Noor bin Jantan [1979] 2 MLJ 289* ***(diikuti)***
*PP lwn. Lim Lian Chen [1990] 2 CLJ (Rep) 746* ***(dirujuk)***
*PP lwn. Badrulsham bin Baharom [1988] 1 MLJ 585* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37(d),(da)(i), 39B, 39B(1)(a)

*Bagi pihak Pendakwa raya - Ahmad bin Bache*
*Bagi pihak yang kena tuduh - Puvan; T/n. Puvan & Co.*

**PENGHAKIMAN**

**Azmel Maamor PK:**

Yang Kena Tuduh telah didakwa di atas satu pertuduhan mengedar dadah berbahaya seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 25 April 1991 jam lebih kurang 8.45 pagi di dalam sebuah kereta teksi HB 1085 di Jalan Sumpitan, Off Jalan Padang Tembak, di dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, telah mengedar dadah berbahaya, iaitu heroin seberat 36.30 gram dan oleh itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s. 39B(l)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak 1980) dan kamu boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Kes pihak Pendakwa adalah dengan ringkasnya seperti berikut:

Pada 24 April 1991 di atas maklumat yang diterima, Inspektor Nordin bin Abdul (SP7)dari Cawangan Anti Dadah, Bukit Aman, Kuala Lumpur telah membuat satu operasi untuk mengesan sebuah teksi No: HB 1085 yang dipandu oleh seorang lelaki Melayu. SP7 bersama-sama dengan D/Kpl. Mohd. Roslan bin Atan (SP8) dan D/C/Kpl. Abdul Malik bin Jaafar telah menempatkan diri di sebuah gerai makan yang bersetentangan dengan Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur. Mereka mula menunggu di situ mulai jam 7.20 pagi. Lebih kurang jam 8.20 pagi SP7 telah nampak teksi No: HB 1085 yang dipandu oleh seorang lelaki tanpa membawa penumpang melintas lalu di hadapan tempat SP7 menunggu. Teksi itu menuju ke arah Kementerian Pertahanan. SP7, SP8 dan D/C/Kpl. Abdul Malik terus mengekori teksi tersebut dengan menaiki sebuah kereta yang dipandu oleh SP7. Menurut SP7 ada dua lagi pasukan polis yang bersama-sama terlibat di dalam operasi itu di tempat yang berdekatan. Mereka terdiri dari ASP Muzaffar Ali, D/Kpl. Ramli Saad dan D/ Konst. Ravitharan (satu pasukan) dan Insp. Perumal, D/Kpl. Mustapha Abdul Aziz dan D/ Konst. Khalid Hassan (pasukan yang satu lagi).

Apabila sampai berhadapan dengan Stadium Kementerian Pertahanan berhadapan dengan Padang Bola SP7 telah kehilangan pandangannya terhadap teksi tersebut oleh kerana pemandangannya telah dilindungi oleh sebuah bas. SP7 telah menghubungi ASP Muzaffar untuk mendapat maklumat di mana teksi itu berada. Dalam 2 atau 3 minit kemudian SP7 telah mendapat tahu dari ASP Muzaffar bahawa teksi tersebut telah berada di kawasan berek kelamin Kementerian Pertahanan, Lorong Seligi, Off Jalan Padang Tembak. Menurut SP7, ASP Muzaffar lepas itu beritahu SP7 bahawa teksi tersebut telah keluar dari kawasan rumah kelamin Jalan Seligi seorang diri tanpa penumpang dan terus masuk ke dalam kawasan Kementerian Pertahanan melalui pintu yang terletak di sebelah stesyen minyak Kementerian Pertahanan.

SP7 dan kedua-dua anggota polis itu terus menuju ke tempat tersebut dan menanti di satu tempat letak kereta untuk menunggu teksi itu lalu. Lebih kurang jam 8.40 pagi SP7 melihat teksi tersebut lalu melintas di hadapan tempat mereka menanti. SP7 terus mengekori teksi yang membelok menuju ke Jalan Buku Lima, terus menempuh Jalan Sumpitan. Apabila sampai di persimpangan masuk ke flat kelamin Kementerian Pertahanan teksi tersebut telah berhenti dan hendak membuat U-turn. Pada masa itu SP7 datang dan menghalang bahagian depan teksi itu dengan keretanya dan menyebabkan teksi itu terpaksa berhenti. SP7 dan kedua-dua anggotanya, menyerbu ke arah pemandu teksi tersebut. Setelah memperkenalkan dirinya sebagai seorang pegawai polis, SP7 mengarahkan pemandu teksi itu keluar dan lepas itu memberitahu dia bahawa SP7 hendak memeriksa teksi tersebut.

SP7 mula-mula memeriksa lantai tempat duduk pemandu. SP7 terus memeriksa lantai itu kerana dia telah melihat bahagian hujung getah alas kaki di sebelah bucu kanan membonjol ke atas. Dari bawah getah alas kaki tersebut, SP7 telah menjumpai satu bungkusan plastik warna kuning (P3). Di dalam beg plastik warna kuning itu didapati satu bungkusan surat khabar Bahasa Malaysia. Bila dibuka didapati ada lagi satu bungkusan surat khabar Bahasa Cina. Apabila dibuka, bungkusan surat khabar Bahasa Cina itu mengandungi satu peket plastik yang berseal. Di dalam peket plastik yang berseal itu didapati ketulan-ketulan merah jambu yang SP7 syaki adalah heroin. SP7 tidak membuka seal peket plastik itu.

Di dalam beg plastik warna kuning itu SP7 berjumpa dengan satu lagi plastik berisi buah pala.

Mengikut SP7 bungkusan yang dijumpainya di bawah kerusi pemandu di lantai di bawah getah alas kaki itu adalah lebih kurang 4 inci tebalnya. Keadaannya tersorok di bawah getah alas lantai itu.

Dengan terjumpanya barang yang disyaki dadah heroin di dalam teksi tersebut SP7 dan anggotanya telah menangkap pemandu teksi itu iaitu Yang Kena Tuduh di dalam kes ini. Setelah digari Yang Kena Tuduh dibawa oleh SP7 ke pejabat Cawangan Anti Dadah, Bukit Aman di Jalan Kia Peng, Kuala Lumpur bersama-sama dan juga teksi itu dan bungkusan plastik warna kuning serta kandungannya yang dijumpai di bawah tempat duduk pemandu teksi tersebut.

Waktu di pejabatnya SP7 telah menandakan barang-barang yang dijumpai di bawah kerusi pemandu teksi di lantai di bawah getah alas kaki seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Bungkusan plastik kuning | - | E |
| 2. | Surat khabar Utusan Malaysia bertarikh 9 April 1991 muka surat 13, 14, 15 dan 16 | - | E1 |
| 3. | Surat khabar Bahasa Cina | - | E1A |
| 4. | Peket plastik yang berisi benda yang disyaki dadah Heroin. | - | F |
| 5. | Peket plastik berisi buah pala. | - | G |
| 6. | Surat khabar Utusan Malaysia bertarikh 9 April 1991 tanpa muka surat 13, 14, 15 & 16 dijumpai di booth teksi itu. | - | H1 |

Selepas itu SP7 terus menyediakan satu search list mengenai segala barang-barang yang dirampasnya berkaitan dengan kes ini. Search list tersebut dikemukakan sebagai Exhibit Pl9.

Setelah menyediakan search list SP7 terus menyerahkan Yang Kena Tuduh beserta barang-barang kes seperti yang disenaraikan di dalam search list (Exhibit Pl9) kepada pegawai penyiasat, Inspektor Mohd. Basri bin Rejab (SP4) pada hari yang sama jam lebih kurang 12.45 tengahari. Satu borang search list telah dibuat dan ditandatangani oleh SP7 dan SP4 (Exhibit P15).

Setelah menerima barang-barang kes daripada SP7, Pegawai Penyiasat (SP4) telah memasukkan barang-barang kes yang berikut ke dalam satu sampul surat yang ditandakan dengan huruf "A":

1. Beg plastik warna kuning bertanda E.
2. Di dalam beg ini bungkusan surat khabar Utusan Malaysia muka surat 13, 14, 15 & 16 bertarikh 9 April 1991 bertanda E1.
3. Di dalam bungkusan ini pula bungkusan surat khabar Bahasa Cina bertanda E1A.
4. Dalam bungkusan itu pula satu peket plastik mengandungi ketulan dan serbuk warna merah jambu dan ditanda F.

Setelah memasukkan barang-barang kes ini ke dalam sampul surat bertanda A itu SP4 telah memeterikan sampul surat itu dengan meteri Polis Diraja Malaysia No. 290 pada hari dia terima barang-barang itu daripada SP7. Selepas itu SP4 terus menyimpan sampul surat bertanda A yang mengandungi barang-barang kes yang tersebut di atas di dalam kabinetnya dan dikunci. Hanya SP4 sahaja yang memegang kunci kabinet tersebut.

Selepas itu SP4 bersama-sama SP7 dan seorang jurugambar Polis, Detektif Lance Kopral 46666 Abdul Hamid bin Yaakub (SP3) telah pergi ke tempat kejadian pada hari yang sama jam lebih kurang 5.45 petang. Atas arahan SP4, Jurugambar SP3 telah mengambil 4 keping gambar di tempat kejadian (Exhibit P10 A-D). Sebelum itu lebih kurang jam 4.10 petang SP4 telah mengarahkan SP3 mengambil gambar barang-barang kes di pejabat Cawangan Anti-Dadah. Kesemuanya 7 keping gambar barang kes diambil oleh SP3 di atas arahan SP4 (Exhibit P9 A-G).

Pada keesokkan hari (24 April 1991), jam 3.34 petang SP4 telah menyerahkan sampul surat yang ditandakan dengan huruf A yang mengandungi barang-barang kes yang disebutkan di atas dan yang dimeterikan dengan meteri Polis Diraja Malaysia No. 290 kepada Ahli Kimia, Encik Woo Kai Hung (SP1) di Jabatan Kimia Petaling Jaya.

SP1 dalam keterangannya mengaku menerima satu sampul surat yang bertanda huruf A daripada Inspektor Mohd. Basri bin Mohd. Rejab (SP4) pada 24 April 1991, jam 3.34 petang.

Mengikut keterangan SP1 sampul surat bertanda A yang diterima daripada SP4 itu dimeterikan dengan meteri Polis Diraja Malaysia No. 290. Apabila dibuka sampul surat mengandungi barang-barang yang berikut:

1. Satu beg plastik membeli-belah warna kuning yang ditanda dengan huruf 'E'.
2. Di dalam beg plastik warna kuning ada dua bungkusan surat khabar yang ditandakan dengan huruf 'E1' dan E1A'.
3. Di dalam bungkusan surat khabar itu didapati satu peket plastik yang ditandakan dengan huruf 'F'.
4. Apabila dibuka peket plastik ini ada di dalamnya satu lagi peket plastik yang tidak bertanda. Dan di dalam peket plastik ini ada mengandungi "pink granular and powdery substance" dan apakala ditimbang beratnya adalah 461.82 gram nett.

Selepas itu SP1 telah menjalankan analisanya ke atas "pink granular and powdery substance" itu dan didapati mengandungi 36.30 gram Heroin. Heroin mengikut SP1 adalah satu jenis barang yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama, Akta Dadah Berbahaya, 1952.

Selepas selesai menganalisanya SP1 telah menyimpan barang-barang yang diterimanya itu ke dalam tempat asal dan kesemuanya dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertanda dengan huruf 'A' lalu dimeterikan dengan meteri Jabatan Kimia Petaling Jaya No. 1.

Sampul surat bertanda A yang mengandungi barang-barang yang tersebut di atas telah diserahkan semula oleh SP1 kepada SP4 pada 8 Julai 1991 jam 2.35 petang.

SP1 di dalam keteranganya telah mengcam segala barang-barang yang diterima daripada SP4 yang tersebut di atas.

Menurut SP4 setelah menerima kembali sampul surat yang bertanda dengan huruf A daripada ahli kimia (SP1) pada 8 Julai 1991, dia terus menyimpan sampul surat bertanda A itu di dalam kabinet besinya dan dikunci. Pada 25 Julai 1991, jam 3.00 petang SP4 telah menyerahkan sampul surat bertanda A yang bermeteri dengan meteri Jabatan Kimia Petaling Jaya No. 1 kepada DPC 67013, Norazlina bte Abdullah (SP2) yang tugasnya ialah menerima dan menyimpan barang-barang kes dan menyimpannya di dalam setor exhibits. Di dalam keterangannya SP2 mengaku menerima satu sampul surat bertanda A bermeteri dengan meteri Jabatan Kimia Petaling Jaya No. 1 daripada SP4. SP2 telah mengcam sampul surat itu. Pada 2 Mac 1992 disebelah pagi SP2 telah menyerahkan semula sampul surat bertanda A itu kepada SP4. SP4 telah mengaku mengambil sampul surat itu daripada SP2 pada pagi 2 Mac 1992 untuk dibawa ke Mahkamah.

Teksi No. HB 1085 (Exhibit P18) yang dipandu oleh YKT adalah kepunyaannya sendiri. Ini telah disahkan oleh Cik Liza @ Putri Liza Bt. Megat Jamil (SP6) Penolong Pegawai Pengangkutan Jalan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Negeri Selangor. Nombor Pendaftaran asal teksi itu ialah BCX 9321 di atas nama Mokhtar bin Hassan K.P. 1990422. Encik Abdul Halim bin Naim (SP5), Penolong Pengurus Maybank Finance, Cawangan Damansara Jaya, Petaling Jaya dalam keterangannya berkata bahawa mengikut rekod yang ada di pejabatnya seorang bernama Mokhtar bin Hassan ada membuat pinjaman daripada Maybank Finance Cawangan Damansara Jaya untuk membeli sebuah kereta Proton Saga 1.5S Nombor Pendaftaran BCX 9321 yang diberi lesen teksi diatas Nombor HB 1085. Mokhtar Bin Hassan sendiri membuat permohonan itu.

Dari keterangan-keterangan yang dibuat oleh SP7 dan disokong oleh SP8 saya dapati beg plastik warna kuning (Exhibit P3) itu dijumpai oleh SP7 di bawah getah alas kaki di lantai tempat duduk YKT di dalam teksi (Exhibit P18). Di dalam beg plastik kuning ini terdapat peket mengandungi ketulan dan serbuk yang disyakki dadah. Keadaan beg plastik P3 disimpan di bawah getah alas kaki di bawah kerusi yang diduduki oleh Yang Kena Tuduh menunjukkan dengan nyata dan terang bahawa beg plastik kuning yang mengandungi dadah itu adalah di dalam jagaan dan kawalan YKT. Tambahan pula waktu YKT ditangkap tidak ada penumpang yang lain di dalam teksi tersebut.

Serbuk dan ketulan warna merah jambu yang dijumpai dan dirampas oleh SP7 di bawah getah tempat alas kaki di bawah kerusi YKT di dalam teksi itu telah dihantar ke Jabatan Kimia Petaling Jaya dan dianalisakan oleh ahli Kimia, Encik Woo Kai Hung (SP1). SP1 telah mengesahkan bahawa ketulan dan serbuk berwarna merah jambu itu adalah mengandungi dadah Heroin seberat 36.30 gram. Dan Heroin adalah sejenis dadah berbahaya yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

Daripada keterangan yang diberi oleh SP7, SP4, SP1 dan SP2 berkaitan dengan “chain of evidence” mengenai perjalanan ketulan dan serbuk dadah itu dari simpanan satu saksi kepada saksi-saksi yang lain dari masa ianya dirampas daripada YKT oleh SP7 sehingga dikemukakan di Mahkamah pada 2 Mac 1992 adalah didapati tidak pernah putus. Perbezaan hanya timbul mengenai bentuk dadah itu dari bentuk ketulan dan serbuk menjadi bentuk serbuk semuanya. Ini adalah dilakukan oleh SP1 di dalam penganalisaannya.

Di dalam keadaan yang tersebut di atas saya puas hati anggapan di bawah s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 telah ditimbulkan oleh pihak Pendakwa terhadap YKT. Oleh kerana dadah yang dijumpai itu beratnya sebanyak 36.30 gram maka anggapan di bawah s. 37(da)(i) juga ditimbulkan.

Sebelum membuat keputusan di atas saya telah menimbang dan mengambil kira perkara-perkara yang berikut yang dibangkitkan dan dipertikaikan oleh Peguambela. Mereka adalah seperti berikut:

Pertama, Peguambela mempertikaikan peket plastik (Exhibit P6) yang dihantar kepada ahli Kimia (SP1) yang tidak ditandakan. Menurut keterangan SP7 waktu ia membuka beg plastik warna kuning (P3) yang mengandungi peket plastik yang mengandungi ketulan dan serbuk yang disyakki dadah itu, peket plastik itu telah diseal dengan steam seal. Dia tidak membuka peket plastik yang mengandungi ketulan dan serbuk di dalamnya. SP7 cuma menanda peket plastik itu dengan huruf F. Oleh kerana SP7 tidak membuka peket plastik itu maka tidaklah ia boleh memberi tanda di atas peket plastik yang ada di dalam peket plastik yang bertanda F (Exhibit P5). SP4 pula dalam keterangannya berkata setelah menerima exhibit daripada SP7 pada hari yang sama ia telah memasukkan beg plastik kuning (P3) surat khabar Utusan Malaysia (P4B), surat khabar Cina (P4A) dan peket plastik mengandungi ketulan dan serbuk warna merah jambu (P5) ke dalam satu sampul surat bertanda A dan terus dia meterikan sampul surat itu dengan meteri Polis Diraja Malaysia dan terus menyimpannya dalam kabinet yang berkunci. Lepas itu barulah SP4 pergi ke tempat kejadian. Wujudnya satu lagi peket plastik (Exhibit P6) itu hanya diketahui apabila SP1 membuka peket plastik P5 yang berseal itu. SP1 di dalam keterangannya telah berkata bahawa ia betul-betul pasti bahawa peket plastik yang tidak bertanda itu adalah peket plastik bertanda F. Di atas keterangan yang diberi oleh SP7 saya puashati mengapa Exhibit P6 tidak ditanda oleh SP7. Di dalam keadaan begitu SP6 memang tidak boleh ditandakan. Pada pendapat saya perkara ini tidaklah boleh dianggap sebagai satu 'material discrepency'. Apa yang penting ialah dadah yang didapati oleh SP7 di dalam teksi itu adalah dadah yang sama dihantar kepada ahli kimia (SP1) melalui pegawai penyiasat (SP4). Saya cukup puas hati bahawa bungkusan peket plastik yang mengandungi dadah yang dijumpai oleh SP7 di bawah tempat duduk YKT di dalam teksi itu adalah bungkusan yang sama yang dihantar kepada SP1 melalui SP4 mengandungi dadah yang sama tanpa bungkusan buah pala.

Kedua, Peguambela telah meminta statement YKT yang diambil oleh Inspektor Maarof bin Harun melalui pegawai penyiasat, SP4. Timbalan Pendakwa Raya telah membangkangnya dan merujuk kepada keputusan Mahkamah Agung di dalam kes:

*PP lwn. Mohd. Noor bin Jantan* [1979] 2 MLJ p. 289.

Peguambela pula merujuk kepada kes :

*PP lwn. Lim Lian Chen* [1990] 2 CLJ (Rep) 746

Setelah menimbangkan kedua-dua kes itu saya berpendapat bahawa saya adalah tertakluk kepada keputusan Mahkamah Agung di dalam kes *PP v. Mohd. Nor bin Jantan.* Percakapan YKT hanya boleh dikemukakan sebagai Exhibit melalui recording officer dan jika pihak Pendakwa tidak berniat untuk memanggil recording officer maka Mahkamah tidak boleh memaksanya. Akan tetapi recording officer mestilah dipanggil oleh pihak Pendakwa untuk dikemukakan kepada pihak pembela sebagai saksi. Dan jika pembelaan dipanggil kelak pihak pembela bolehlah memanggil recording officer untuk mengemukakan percakapan YKT itu.

Ketiga, ialah mengenai alamat Pejabat Cawangan Anti Dadah. Kekeliruan mula ditimbulkan sama ada pejabat Cawangan Anti Dadah Bukit Aman itu adakah di Bukit Aman atau di Jalan Kia Peng. Perkara ini telah dijelaskan dengan terangnya oleh SP8 bahawa Cawangan Anti Dadah, Bukit Aman itu sebenarnya berpejabat di Jalan Kia Peng.

Perkara ini juga telah disokong oleh jurugambar (SP3). Dia telah mengambil gambar barang-barang kes dan kenderaan di Pejabat Cawangan Anti Dadah Jalan Kia Peng. Begitu juga keterangan SP4, Inspektor Mohd. Basri mengatakan ia telah menerima barang-barang kes daripada Inspektor Nordin bin Abdul di Pejabat Cawangan Anti Dadah Jalan Kia Peng, Kuala Lumpur pada jam 12.45 pada 23 April 1991. Di atas keterangan yang ada saya puashati bahawa Pejabat Inspektor Nordin Abdul ialah di Jalan Kia Peng, Kuala Lumpur.

Keempat, Peguambela telah cuba menghalang kemasukan search list yang dikemukakan oleh pihak Pendakwa. Timbalan Pendakwa Raya berkata tugasnya mengemukakan search list itu sebagai Exhibit adalah semata-mata menunjukkan consistency.

Di atas alasan yang diberi oleh Timbalan Pendakwa Raya saya telah bersetuju untuk membenarkan Exhibit (Pl9).

Kelima, Peguambela telah mencuba mempertikaikan makna yang ditulis oleh SP7 di dalam senarai pemeriksaan (search list) Exhibit Pl9, iaitu perkara kedua.

| Bil. | Jenis barang-barang surat yang didapati | Bagaimana didapati |
|---|---|---|
| 2 | Bungkusan plastik warna kuning berisi 1 bungkusan surat khabar berbahasa Malaysia (2 keping Utusan Malaysia bertarikh 9 April 1991 muka surat 13,14, 15 & 16. 1 bungkusan surat khabar Cina (1 keping mengandungi 1 peket plastik berisi ketul-ketulan warna merah jambu yang disyaki heroin dan satu peket plastik buah pala Sin Eng Huat. | Diatas lantai sebelah pemandu di bawah lantai alas kaki getah teksi No. HB 1085. |

Peguambela telah mempertikaikan makna ayat di ruangan '**Bagaimana didapati**' iaitu ayat "Di atas lantai sebelah pemandu di bawah alas kaki getah teksi No. HB 1085". Peguambela berkata bahawa ayat tersebut bererti tempat duduk di sebelah tempat duduk pemandu, ialah tempat duduk penumpang di depan sebelah kiri. Dakwaan ini telah dibangkang sekeras-kerasnya oleh SP7. SP7 berkata maksudnya dengan perkataan "**sebelah pemandu**" ialah "driver's side", iaitu tempat duduk pemandu.

Penulis ayat sendiri mengatakan perkataan "sebelah pemandu" bererti tempat duduk pemandu. Jikalau itu telah dimaksudkan oleh pemandu saya berpendapat tidak ada gunanya perkara itu dipertikaikan lagi. Ini adalah soal bahasa. Yang penting adalah tempat yang sebenar. Keterangan yang diberi oleh SP8, SP4 dan juga jurugambar kesemuanya menyokong bahawa tempat bungkusan itu dijumpai adalah di bawah tempat duduk pemandu. Gambar yang diambil adalah gambar tempat duduk pemandu. SP4 telah menandakan di dalam gambar tempat di mana bungkusan itu dijumpai .

Saya berpendapat bahawa segala perkara-perkara yang ditimbulkan dan dipertikaikan oleh Peguambela tidak langsung menjejaskan kes pendakwaan. Oleh yang demikian di akhir kes pendakwaan saya memutuskan bahawa pihak Pendakwa telah mengemukakan satu *prima facie* case dengan timbulnya anggapan-anggapan di bawah s. 37(d) dan s. 37(da)(i) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dengan itu menyuruh YKT membuat pembelaan.

Pihak pembela telah mengemukakan empat saksi pembela termasuk YKT sendiri. Di dalam keterangannya YKT telah berkata bahawa pada hari kejadian itu ia telah keluar dari rumahnya jam 6.00 pagi dengan memandu teksinya pergi ke Bandaraya Kuala Lumpur untuk mencari penumpang. Ia telah berada di kawasan Jalan Sultan Ismail berdekatan dengan Hotel Hilton. Malangnya tiada penumpang yang ditemui oleh YKT. Lebih kurang jam 7.30 pagi YKT pun pergi menunggu di depan bangunan Wisma Stephens. Tidak berapa lama kemudian datang seorang penumpang pemuda Cina mengetuk pintu teksi YKT. YKT kenal pemuda Cina itu yang bernama Neoh Ewe Kiong @ Ah Keong. Ah Keong menyuruh YKT menghantarnya ke Jalan Pinang. Dalam perjalanan ke Jalan Pinang apabila sampai di belakang Hotel Equatorial Ah Keong bertanya kepada YKT samada YKT boleh meminjamkan teksinya kepada Ah Keong oleh kerana Ah Keong hendak mengambil keluarganya. Ah Keong tidak mahu YKT hantar dia. Dia hendak bawa teksi itu sendiri. YKT pun bersetuju meminjamkan teksinya kepada Ah Keong oleh kerana kata YKT, dia percaya kepada Ah Keong yang telah dikenalinya dengan rapat selama 3 bulan sebelum tarikh kejadian. Mengikut YKT Ah Keong adalah seorang penjual serbuk teh. YKT pun turun daripada teksinya dan Ah Keong terus beredar dari tempat itu dengan teksi YKT. Dalam masa 10 atau 15 minit kemudian Ah Keong pun kembali ke tempat YKT menunggu. Setelah menaiki teksi itu semula mereka pun beredar dari tempat itu dengan dipandu oleh YKT dan Ah Keong duduk di belakang teksi sebelah kiri. YKT telah nampak bahawa Ah Keong ada membawa satu bungkusan iaitu satu beg plastik warna kuning. YKT berkata dia tidak tahu apakah kandungan bungkusan beg plastik kuning tersebut. Waktu berada di Jalan P. Ramlee menghala ke Bangunan Angkasa Raya berhampiran dengan Race Course Ah Keong telah berkata kepada YKT samada YKT boleh menolong Ah Keong menghantarkan satu plastik berwarna kuning kepada temannya bernama Ah Hwa. Mengikut keterangan YKT Ah Keong tidak mahu pergi hantar bungkusan itu oleh kerana ia mahu pergi ke Melaka kerana dia ada hal - pasal badannya ta' berapa sihat. Oleh kerana YKT yakin Ah Keong tidak sihat, YKT pun setuju menghantarkan bungkusan itu kepada kawan Ah Keong yang bernama Ah Hwa yang YKT sendiri kenal Ah Hwa dan tahu bahawa Ah Hwa tinggal di Jalan Lapangan Terbang Lama di Sungai Besi. Ah Keong beritahu YKT bahawa bila dia bertemu kawannya itu Ah Keong suruh YKT tanyakan kepada Ah Hwa "berapa yang dia mahu". Ah Keong juga beritahu YKT membawa orang tersebut pada 25 April 1991 jam 7.30 malam di hadapan Pramamba Park, Jalan Pinang. Ah Keong lepas itu terus turun dari teksi YKT tanpa membayar tambang. Mengikut keterangan YKT Ah Keong akan membayar semua bayaran pada 25 April 1991 jam 7.30 malam nanti.

Mengikut keterangan YKT bungkusan warna kuning itu tidak dibuka oleh YKT. Ah Keong telah meninggalkan bungkusan itu di tempat alas kaki sebelah tempat duduk di belakang tempat duduk pemandu. Dia telah bertanya kepada Ah Keong yang mengatakan bungkusan itu berisi serbuk teh. YKT tidak pula periksa kandungan bungkusan itu sebab dia percaya penuh kepada Ah Keong yang dikenalinya selama 3 bulan. YKT pula telah kenal Ah Hwa selama satu tahun. Menurutnya Ah Hwa berniaga menjual dan membeli besi buruk. YKT berkata Ah Hwa selalu naik teksinya waktu pagi di tepi Jalan Airport Lama, iaitu lebih kurang jam 6.30 pagi.

Selepas Ah Keong turun dari teksi YKT pun pergi ke Jalan Semarak untuk pergi ke sebuah kedai membaiki alat letrik kerana YKT hendak membaiki kipas angin dan periok nasi yang telah rosak.

Selepas itu mengikut YKT, ada seorang penumpang, seorang anggota tentera memasuki teksinya untuk dihantar ke Wisma Belantara, Jalan Padang Tembak. Setelah menghantar lelaki anggota tentera itu YKT terus menghala teksinya ke satu jalan yang menaiki bukit yang sederhana dan melalui hump. Apabila sampai di atas puncak bukit di kawasan yang datar polis telah menahan keretanya. YKT pun terpaksa memberek keretanya dengan serta merta. Oleh kerana bereknya terlalu kuat bungkusan yang diberi oleh Ah Keong tadi tergelongsor ke bawah kerusi pemandu. YKT telah melihat kandungan bungkusan plastik warna kuning apakala dirampas dan dibuka oleh anggota polis di hadapan YKT. Bungkusan warna kuning itu mengandungi di antara lain satu peket plastik yang mengandungi ketulan-ketulan warna merah jambu.

Selepas itu YKT pun ditangkap dan dibawa ke Pejabat Cawangan Anti Dadah di mana siasatan lanjut dilakukan oleh pihak polis.

Pihak pembela telah juga mengemukakan 'cautioned statement' YKT melalui Recording Officer, Inspektor Maarof bin Harun (DW3). Kandungan cautioned statement itu (Exhibit P20) adalah lebih kurang serupa dengan keterangan YKT di Mahkamah.

Pihak pembela telah juga memanggil isteri YKT, Noriah bte Nayan (DW2). DW2 cuma mengesahkan bahawa dia telah menyuruh YKT membaiki kipas angin dan alat periok yang telah rosak.

Akhir sekali pihak pembela telah memanggil Neoh Ewe Keong (DW4) sebagai saksi pembela. Di dalam keterangan balas pihak Pendakwa telah mengemukakan 2 statement DW4 yang diambil daripadanya oleh Inspektor Mohd. Basri (SP4) pada 27 Ogos 1991 (Exhibit P21A) dan pada 4 Mac 1992 (Exhibit P21B). Pihak Pendakwa telah menunjukkan bahawa ada pertelingkahan yang material di antara keterangan yang dibuat oleh DW4 dengan percakapan yang dibuat di dalam Exhibit P21A dan P21B. Pihak Pendakwa telah menggariskan percakapan DW4 di dalam P21A dan P21B yang dianggap bertelingkah dengan keterangan DW4 di Mahkamah.

Di Mahkamah, DW4 telah memberi keterangan. Sepotong keterangannya di dalam pemeriksaan balas adalah seperti berikut:

> TPR: Selain dari penagih dadah kamu juga adalah pengedar dadah dan biasa berurusan dengan Mokhtar dan sebab itulah kamu kenal dia
>
> Saksi: Itu tidak benar.

Di dalam percakapan DW4 pada 27 Ogos 1991 (Exhibit P21A) DW4 berkata:

> J: ...Dalam pertemuan itu saya telah setuju untuk membekalkan Mokhtar bekalan dadah heroin dengan harga jualan sebanyak RM3,800 sepaun.
>
> S: Berapa kalikah kamu pernah membekalkan dadah heroin kepada Mokhtar?
>
> J: Sejak berkenalan dengan beliau se hingga saya ditangkap iaitu lebih kurang 8 ke 9 kali.

Di dalam Mahkamah DW4 telah memberi keterangan seperti berikut:

TPR:Sebenarnya pada hari tersebut awak tidak pinjam teksi YKT dan tidak pandu teksi YKT itu.

Saksi: Saya tidak setuju.

TPR: Pada hari itu kamu bawa kereta awak dari Butterworth ke Kuala Lumpur dipandu oleh seorang yang lain.

Saksi: Tidak benar.

Di dalam percakapan DW4 pada 4 Mac 1992 (P21B) DW4 telah berkata seperti berikut:

S: Adakah kamu pinjam atau pun memandu teksi Mokhtar pada 23 April 1991?

J: Tidak ada.

Pada 23 April 1991 jam lebih kurang 1.00 pagi saya bertolak dari Butterworth seorang diri dengan membawa kereta Ford TX3 No. Pendaftaran PBV 908.

Setelah meneliti keterangan DW4 di Mahkamah dengan percakapan yang digaris oleh pihak Pendakwa di dalam percakapannya di P21A dan P21B, saya berpuashati bahawa pertelingkahan yang material telah wujud. Oleh yang demikian keterangan DW4 di dalam Mahkamah telah diimpeachkan. Ini berkeputusan segala keterangan yang dibuat oleh DW4 di Mahkamah dan percakapannya di dalam P21A dan P21B tidak langsung diambil kira. Hanya keterangan dari YKT, DW2 dan DW3 termasuk cautioned statement D20 sahaja diambil kira bagi menimbangkan kes pihak pembela.

Pihak pembela telah cuba membuktikan bahawa YKT tidak mempunyai knowledge bahawa kandungan di dalam bungkusan plastik yang dijumpai di dalam teksi tersebut adalah dadah berbahaya. Beban yang dikenakan kepada pihak pembela untuk mematahkan (rebut) anggapan di bawah s. 37(d) adalah "on balance of probabilities". Keputusan-keputusan Mahkamah mengenai sebab pihak pembela ini adalah banyak. Memadailah jika saya hanya merujuk kepada kes *PP lwn. Badrulsham bin Baharom* [1988] 2 MLJ 585 di mana Lim Beng Choon J telah secara terperinci menghuraikan beban pihak pembela mengenai 'knowledge' dan cara-cara membuktikannya. Oleh kerana undang-undang mengenai 'knowledge' telah terlalu nyata dan terang diperkatakan maka saya tidak berniat untuk menyebut dan mengulanginya semula selain daripada apa yang disebutkan di dalam kes *PP lwn. Badrulsham bin Baharom*.

Perkara yang perlu ditimbangkan sekarang ialah samada pihak pembela telah berjaya menimbulkan bukti yang mengatakan YKT tidak ada pengetahuan (knowledge) mengenai kandungan bungkusan plastik warna kuning yang dijumpai di dalam teksi tersebut berisi dadah berbahaya iaitu Heroin.

YKT mengatakan bahawa bungkusan plastik warna kuning itu diletakkan oleh Ah Keong di alas kaki tempat duduk penumpang di belakang tempat duduknya. YKT berkata dia telah bertanya pada Ah Keong atas kandungan bungkusan itu dan Ah Keong mengatakan bungkusan itu berisi serbuk teh. YKT tidak periksa isi bungkusan itu dan dia tidak pula memegang dan menyimpannya di depan tempat duduknya. Menurutnya lagi bungkusan itu telah menggelonsor masuk ke depan kerusi tempat lantai tempat duduk pemandu apabila YKT memberek keretanya dengan kuat waktu dia dihalang oleh pasukan polis. Dengan kekuatan berek itu bungkusan plastik itu telah masuk di bawah kerusi pemandu dari tempat duduk belakang dan waktu ia ditangkap bungkusan itu berada di tempat duduk pemandu di bahagian lantai. Pihak Pendakwa telah mempertikaikan bagaimana bungkusan itu boleh menggelonsor masuk ke tempat duduk pemandu. Lubang di bawah kerusi pemandu adalah tidak tinggi sedangkan bungkusan yang dijumpai itu adalah tebal, mengandungi bukan sahaja peket plastik

dadah tetapi juga peket plastik buah pala. SP4 telah membuat 3 kali ujian dengan menggunakan bungkusan sebesar dan seberat bungkusan warna kuning itu. SP3 telah menguji dengan menggunakan teksi tersebut dengan meletakkan bungkusan yang sama besar dan berat seperti bungkusan warna kuning itu dengan memberek dengan kuat untuk menguji samada bungkusan itu boleh menggelonsor melalui lubang di bawah tempat duduk pemandu. SP4 berkata tiap-tiap kali ujian bungkusan itu dibuat bungkusan yang sama berat dan besar dengan bungkusan warna kuning itu tidak boleh melalui lubang di bawah tempat duduk pemandu. Saya sendiri telah melihat keadaan lubang di bawah tempat duduk pemandu teksi tersebut. Pada pandangan saya adalah mustahil bungkusan yang mengandungi peket plastik dadah dan peket plastik buah pala yang tebal lebih kurang 4 inci itu boleh menggelonsor dari tempat duduk belakang kepada tempat duduk depan melalui lubang di bawah tempat duduk pemandu teksi tersebut. Yang lebih mustahil lagi ialah bagaimana bungkusan warna kuning itu didapati di bawah getah alas kaki di tempat duduk pemandu. Jika sekalipun bungkusan itu boleh masuk ke depan melalui lubang yang singkat itu bagaimana pula bungkusan itu boleh berada di bawah getah alas kaki itu? Ini adalah terlalu mustahil sama sekali. Keadaan bungkusan itu di bawah getah alas kaki mestilah dengan pertolongan seseorang. Keterangan SP7 dan SP8 yang mengatakan bungkusan itu di bawah getah telah tidak dinafikan oleh pihak pembela. Saya juga tidak mencurigai keterangan SP7 dan SP8 mengenai perkara ini.

Saya tidak percaya bahawa bungkusan yang diberi oleh Ah Keong kepada YKT itu ditingggalkan begitu sahaja di tempat duduk belakang oleh YKT. YKT telah memberi keterangan bahawa dia telah mengambil penumpang selepas berjumpa dengan Ah Keong. Sudah semestinyalah bahawa apabila bungkusan yanag diamanahkan oleh Ah Keong kepada YKT yang ia sendiri mengaku sebagai seorang yang beramanah dan dari seorang kawan karib dan mesra maka bungkusan itu diterima dan disimpan oleh YKT di satu tempat yang selamat seperti tempat di mana bungkusan itu dijumpai. Adalah tidak munasabah sama sekali bagi YKT membiarkan bungkusan itu berada di tempat duduk belakang sebab YKT telah pula mengambil seorang penumpang lain sebelum YKT ditangkap. Besar kemungkinan bungkusan itu akan hilang atau tersilap dan diambil oleh penumpang teksi itu jika ditinggalkan di tempat duduk belakang.

Bagaimana bungkusan itu berada di bawah getah alas tapak kaki itu tiada dapat diterangkan oleh YKT. Bungkusan itu tidak berseal. Adalah tidak munasabah bagi YKT tidak melihat isi kandungannya. Adalah tidak munasabah Ah Keong menjual serbuk teh dengan cara yang dilakukan di dalam kes ini. Percakapan di antara YKT dengan Ah Keong tentang perjumpaan pada malam 25 April 1991 itu mengandungi kata-kata yang suspicious. Apakah barang yang diberi oleh Ah Keong kepada Ah Hwa itu mahal sehingga Ah Keong boleh membayar segala sewa teksi dan tuntutan YKT kepada Ah Keong. Sudah semestinya YKT mesti hendak melihat apakah isi kandungan bungkusan itu. Di atas keadaan keterangan-keterangan kes ini saya tidak percaya bahawa YKT tidak tahu bungkusan itu mengandungi dadah berbahaya.

YKT telah berkata bahawa di tempat duduk belakang tempat duduk pemandu ada sebiji alat pemadam api. Saksi pihak Pendakwa mengatakan tidak ada alat pemadam api didapati di dalam teksi itu. Saya berpendapat ada atau tidak alat pemadam api dalam teksi itu adalah tidak penting. Bagaimana pun jika alat pemadam api ini berada di dalam teksi itu bersama-sama dengan bungkusan itu alat pemadam api itu tidak akan menyenangkan bagi bungkusan itu menggelonsor pergi ke bahagian depan di tempat duduk pemandu. Alat pemadam api itu akan menjadi penghalang bagi bungkusan tersebut untuk menggelonsor ke bahagian depan.

Keterangan DW2, isteri YKT tidak berupaya membantu kes pembela mengatakan bahawa YKT tidak ada pengetahuan berkenaan dadah berbahaya tersebut.

Setelah mengkaji dan menimbang kes pihak pembela dan juga kes pihak Pendakwa keseluruhannya dengan mengambil kira beban pembela untuk membuktikan ketiadaan knowledge YKT terhadap dadah berbahaya yang dijumpai di dalam teksi tersebut saya berpendapat bahawa pihak pembela telah gagal mematahkan anggapan yang telah ditimbulkan oleh pihak Pendakwa di bawah s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Oleh yang demikian saya dapati YKT bersalah di atas tuduhan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya seperti yang dipertuduhkan dan sabit kesalahannya. Mengikut kehendak undang-undang saya menjatuhkan gantung sampai mati yang mandatori ke atas diri Yang Kena Tuduh.

Also found at [1992] 3 CLJ 1379